

**MANHAJ DAKWAH AL-HISSI DALAM  
AI-QUDWAH AL-HASANAH MELALUI UMMUHĀT AL-AKHLĀK :  
AL-HIKMAH, AL-SYAJA'AH, AL-'IFFAH DAN AL-'ADL**  
(An Analysis Of The Methods Of *Al-Hissi* Da'wah In  
Ummuhāt Al-Akhlaq : *Al-Hikmah, Al-Syaja'ah, Al-'Iffah Dan Al-'Adl*)

Azzyati Mohd.Nazim<sup>1</sup>

**ABSTRACT**

Delivering da'wah (preaching) is effectively executed if Prophet Muhammad's (PBUH) exemplary of akhlaq is inculcated in the recipients of da'wah. In this case, all prophet's (PBUH) verbal and non-verbal actions are deemed necessary for all preachers to follow. Muslim preachers have to be alert to any religious deviations which may exploit humans' natural behaviour; that is, to be easily influenced and coaxed by new ideas and views, by getting ashtray from the right path. Starting from this ground, Islamic preachers are highly recommended to employ the *al-Hissi* method of da'wah as a means of bringing up a generation of Muslim ummah that possesses good thinking and behaviours. This study aims to analyse the *al-Hissi* methods of da'wah exemplified in the book *ummuhāt al-akhlaq* which include *al-Hikmah, al-Syaja'ah, al-'Iffah dan al-'Adl*. Using the content analysis approach and inductive method, this study analyses the primary sources of data (Al Quran and Ahadith) through the lens and perspectives of Muslim scholars' and preachers. Results showed that the *al-Hissi* method of da'wah is very effective in delivering da'wah. Besides, Prophet Muhammad's (PBUH) method of da'wah was contended to be the best guidance for a beginner Muslim preacher to deliver his message. This study is significant in terms of uncovering the essential role played by a preacher as an ambassador to chain and strengthen the relationship among communities (الربط العام).

**Keywords:** *Da'wah, methods of da'wah, al-Hissi, al-Qudwah al-Hasanah, ummuhāt al-akhlaq*

**ABSTRAK**

Proses menyampaikan dakwah dapat dilaksanakan secara lebih berkesan melalui kaedah ikutan contoh akhlak dalam membina keperibadian *al-mad'u*(sasaran dakwah). Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w merupakan contoh teladan bagi para pendakwah dalam semua perilaku Rasulullah s.a.w, baik ucapan maupun perbuatan. Golongan pendakwah masa kini hendaklah peka terhadap para penyebar dakyah sonsang yang telah mempergunakan kecenderungan tabiat meniru manusia supaya mengikuti cara hidup manusia yang sesat dan menyimpang. Maka, bertitik tolak daripada persoalan pelaksanaan dakwah masa kini, golongan pendakwah hendaklah menggunakan manhaj dakwah *al-Hissi* supaya dapat menggerakkan fikiran dan perasaan manusia untuk mengikuti yang baik dan mulia. Maka, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis manhaj dakwah *al-Hissi* dalam *ummuhāt al-akhlaq* iaitu *al-Hikmah, al-Syaja'ah, al-'Iffah dan al-'Adl*. Kaedah kajian ini menggunakan teknik analisis kandungan yang disokong dengan sumber-sumber primer iaitu al-Quran dan hadith melalui analisis induktif dan perbandingan pandangan tokoh-tokoh dalam bidang pengajian Islam dan disiplin ilmu dakwah. Hasil kajian didapati, kepentingan manhaj dakwah *al-Hissi* bertujuan untuk menyampaikan mesej dakwah yang dapat dilihat dan berkesan. Selain itu, kewajipan mencontohi Rasulullah s.a.w adalah penting sebagai panduan asas dakwah bilhal kepada seorang pendakwah dalam

---

<sup>1</sup> Lecturer, The Centre of Da'wah Studies, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Gong Badak Campus, 21300, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. Email: azzyati@unisza.edu.my

masyarakat. Oleh itu, kajian ini telah mendedahkan kepentingan seorang pendakwah untuk bertindak sebagai pengikat hubungan kemasyarakatan yang dikenali sebagai (الربط العام).

Kata Kunci: *Dakwah, Manhaj, al-Hissi, al-Qudwah al-Hasanah, Ummuhāt al-akhlak*

## PENGENALAN

Manhaj dakwah *al-Hissi* merupakan salah satu manhaj dakwah yang menumpukan kepada pancaindera manusia melalui penyaksian dan pengalaman(Muhammad Khayr 2009: 23). Kalimah ‘al-hiss’ diambil dari kalimah arab(الحسن)yang bermaksud: أبصرت ، وعلمت. Manakala terbitan nama (الحواس) ialah organ pendengaran,penglihatan,hidu,merasa dan menyentuh(Ābadi 1995: 483).

Ia juga dikenali sebagai manhaj *al-Tajribi*( التجربى) atau *al-Ilm*( العلمي) yang berdasarkan kepada pengalaman praktikal sebagai asas pengetahuan seperti cara beribadat dan secara saintifik yang dapat dibuktikan seperti kewujudan Allah s.w.t melalui tanda-tanda kebesaran Allah di muka bumi.Oleh yang demikian, tujuan penggunaan manhaj dakwah *al-Hissi* adalah untuk mengukuhkan jiwa al-mad'u dalam mesej dakwah yang disampaikan melalui jalan bimbingan dan tarbiah melalui pelbagai *uslub* supaya manusia dapat memanfaatkan pancaindera mereka untuk mengenal Allah s.w.t,mencontohi amali ibadat Nabi s.a.w dalam solat, mengubah kemungkaran kepada perkara makruf,menguatkan kenabian dan kerasulan dengan mukzijat yang boleh dirasai dan dilihat iaitu al-Quran dan melalui drama-drama akhlak. Maka hubungan antara manhaj dakwah *al-Hissi* dengan *al-Qudwah al-Hasanah* ialah memperlihatkan contoh proses dalam pengajaran akhlak dan cara berakhlak(Muhammad Khayr 2009:23)

Sehubungan ini, tumpuan perbincangan dibataskan kepada ummuhāt al-akhlāk iaitu *al-Hikmah,al-Syajā'ah,al-'Iffah* dan *al-'Adl* menurut al-Ghazali(1988:Fasal:Hakikat kebagusan akhlak,Kitab:Latihan jiwa).Kepentingan empat sifat akhlak tersebut merupakan induk akhlak yang baik dan kesempurnaan kelurusian yang terdapat pada diri Rasulullah s.a.w. Manakala sifat-sifat akhlak baik yang lain seperti sabar,cinta kebenaran,kemahuan yang tinggi, 'amal jama'i dan pemurah adalah hasil yang terbit daripada *ummuhāt al-akhlāk*.Keutamaan *ummuhāt al-akhlāk* merupakan penyelesaian kepada persoalan nasib umat Islam masa kini. Menurut 'Ali 'Abd al-Halim 1993: 65) mengenai sebab-sebab dakwah *ila Allah* s.w.t wajib dilaksanakan ialah keadaan dunia Islam masa kini dari aspek politik,kemasyarakatan,ekonomi dan budaya yang terpisah daripada panduan syariat Allah s.w.t dan mendatangkan kesan buruk ke atas pembentukan sebuah masyarakat muslim. Masyarakat moden kini meminggirkan nilai, akhlak dan adab-adab Islam telah menjadi mangsa kepada budaya akhlak *positivisme* berdasarkan logik akal yang mengalami keruntuhan nilai ajaran Islam kerana tidak mengikuti akhlak Nabi Muhammad s.a.w. Pengukuhan manhaj dakwah *al-Hissi* melalui *ummuhāt al-akhlāk* dapat dijelaskan kesannya dalam jiwa manusia yang beriman berdasarkan firman Allah s.w.t:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَهَدُوا

بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْلَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ


Maksud:

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya,kemudian mereka(terus percaya dengan)tidak ragu-ragu lagi serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah;mereka itulah orang-orang yang benar(pengakuan imannya).

(surah al-Hujurāt:15)

Proses menyampaikan dakwah dapat dilaksanakan secara lebih berkesan melalui kaedah ikutan contoh akhlak dalam membina keperibadian seseorang mad'u. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w merupakan contoh teladan bagi para sahabat. Mereka meniru semua perilaku Rasulullah s.a.w, baik ucapan maupun perbuatan. Allah s.w.t memerintahkan kepada orang mukmin supaya mengikuti jejak nabi s.a.w.

Firman Allah s.w.t:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَدَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksud:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan(keredhaan) Allah dan(balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak(dalam masa susah dan senang).

(surah al-Ahzab: 21)

*Al-Qudwah al-Hasanah* berperanan dalam menangani masalah jiwa manusia yang suka meniru contoh perilaku yang tidak baik. Menurut al-Maydani (1996: 450), semasa proses perkembangan hidup manusia, golongan muda yang teruja dengan penampilan pujaan yang diminatinya akan meniru cara penampilan bintang pujaannya. Oleh yang demikian, peluang para penyebar dakyah telah mempergunakan kecenderungan tabiat meniru manusia supaya mengikuti cara hidup pujaan manusia yang sesat dan menyimpang. Maka, bertitik tolak daripada persoalan pelaksanaan dakwah masa kini, golongan pendakwah hendaklah menggunakan kaedah pengulangan (التكرار) melalui qudwah hasanah supaya dapat menggerakkan fikiran dan perasaan manusia untuk berubah. Ikutan contoh Rasulullah s.a.w yang diamalkan oleh para sahabat r.a dan al-khulafa' al-Rasyidin telah membawa perubahan besar terutama dari segi keperibadian(Najāti 1988: 162).

Rasulullah s.a.w menganjurkan kepada para sahabat supaya mengikuti jejak langkah keperibadiannya dan para *al-Khulafa' al-Rāsyidin*. Seluruh perilaku Rasulullah s.a.w merupakan contoh yang paling utama bagi pencapaian manusia sempurna(*al-insan al-kamil*). Baginda diikuti oleh para sahabat bukan sahaja dalam persoalan praktik ibadah tetapi merangkumi semua perilaku kehidupannya sehari-hari.

Sabda Rasulullah s.a.w:

فَعَلَيْكُمْ بِسْنَتِي وَسَنَةِ الْخَلْفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ، فَقَمْسُكُوا بِهَا وَعَضُوَا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ  
وَإِيَّاكُمْ وَالْأَمْوَارُ الْمَحْدُثَاتُ. إِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ

Maksud:

Maka hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khulafa' Rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham dan jangan sampai kalian mengikuti perkara-perkara yang dibuat-buat kerana sesungguhnya semua bid'ah itu adalah sesat.

(ابتع سنة الخلفاء الراشدين المهدىين - (Ibn Majah,Sunan.Kitab:(6),Bab:(6),المقدمة - )

Dalam persoalan manhaj dakwah masa kini dan hubungannya dengan sifat manusia dan kefahamannya dapat dibahagikan kepada dua jenis kefahaman iaitu pertamanya, dinamakan "Hissi" menerusi pancaindera dengan arahan dari pertolongan akal(otak). Dengan kefahaman "Hissi", manusia dapat mengerti dan merasai tentang wujudnya benda-benda di sekeliling menerusi penglihatan mata dan pancaindera lain. Kefahaman ini dinamakan pengetahuan hissi. Manakala yang kedua ialah kefahaman yang dibentuk oleh keupayaan mental yang

dinamakan "fikiran" dan dapat memahami bahawa setiap yang maujud menjadi dalil atau bukti di atas wujudnya Allah s.w.t.(al-Khuly 1987 ).

Berdasarkanuraian kenyataan di atas, kajian penulisan ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang membincangkan beberapa persoalan kajian iaitu konsep manhaj al-hissi, *qudwah al-hasannah* dalam *ummuhat al-akhlak* iaitu *al-hikmah*(Bijaksana), *al-syajaah*(Berani), *al-iuffah*(Kesucian diri) dan *al-adl*(Adil). Data-data kajian disokong dengan sumber-sumber primer iaitu al-Quran dan hadith melalui analisis induktif dan melalui perbandingan pandangan tokoh-tokoh dalam bidang pengajian Islam dan disiplin ilmu dakwah.

## SOROTAN LITERATUR

### 1. Manhaj dakwah al-Hissi

Muhammad Khayr(2009: 23) mentakrifkan manhaj dakwah *al-Hissi* ialah pendekatan dakwah yang menggunakan pancaindera manusia dan pemahaman mengenai mesej dakwah yang disampaikan bergantung kepada penyaksian dan pengalaman manusia.

Firman Allah s.w.t:

 وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادُ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْأُولاً

Maksud:

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya;sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati,semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."

(surah al-Isrā': 36)

Menurut ayat di atas, Ibnu Kathir(2006) menerangkan bahawa pendengaran, penglihatan dan hati akan diminta pertanggungjawaban mengenai amanah semua anggota tubuh tersebut. Qutub(2000) berpandangan bahawa amanah ilmiah pada zaman moden kini adalah sebahagian amanah akal dan hati yang mempunyai pertanggungjawaban oleh manusia. Maksud firman Allah s.w.t tersebut telah menjadikan setiap manusia bertanggungjawab terhadap pendengaran,penglihatan dan hatinya di hadapan Allah yang mengurniakan telinga,mata dan hati itu. Abd al-Halim(1993: 490) pula mentakrifkan 'al-hiss' ialah sesuatu pengetahuan yang diperolehi melalui salah satu daripada lima pancaindera manusia iaitu mata,telinga,mulut,tangan dan kaki. Situasi-situasi berdakwah yang sesuai digunakan manhaj al-hissi menurut al-Bayanuni(t.th: 217) ialah ketika proses pengajaran amali dakwah dalam perkara ibadat di mana mad'u sangat berhajat kepada perincian contoh seperti perbuatan nabi s.a.w dalam pengajaran wudhuk, solat dan haji, penggunaan ahli-ahli ilmu dalam bidang sains pemerhatian untuk tujuan menguatkan teori ilmu wahyu dan contoh-contoh mukjizat nabi kepada golongan jahil yang berterusan mengingkari kebenaran secara lisan dan akal. Penggunaan *manhaj al-hissi* dapat membawa kesan zahir yang mendalam terhadap mesej yang disampaikan oleh pendakwah.

Antara kaedah manhaj al-hissi yang digunakan dalam berdakwah ialah melalui contoh dalam pengajaran akhlak dan penghayatan cara berakhlik. Allah s.w.t menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai contoh dalam kehidupan orang beriman sebagaimana perbuatan nabi Muhammad s.a.w semasa pembukaan kota Mekah, baginda menuju ke Baitullah, lalu tawaf di sekelilingnya sambil memecahkan berhala-berhala yang disusun di sekeliling Baitullah.; Baginda memukul berhala-berhala itu dengan busur panah bertubi-tubi lalu ia jatuh ke tanah dalam keadaan hancur dan bertaburan sambil mengucapkan: (Muhammad al-Ghazali 2010)

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَطِلُ إِنَّ الْبَطِلَ كَانَ زَهُوقًا

Maksud:

Dan katakanlah: "Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah(kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara tetap lenyap.

(surah al-Isrā': 81)

Dalam hal ini, amar makruf dan nahi munkar merupakan suatu proses menggalakkan kebaikan dan mengubah kemungkaran melalui pancaindera. Penyaksian sendiri daripada orang yang melakukan kemungkaran terhadap tindakan pendakwah adalah merupakan contoh kaedah manhaj dakwah *al-hissi*.

Sabda Rasulullah s.a.w:

مِنْ رَأْيِنِكُمْ مُنْكَرٌ فَلَيَغْيِرُهُ بِيَدِهِ إِنْ لَمْ يُسْتَطِعْ فَبِلْسَانِهِ إِنْ لَمْ يُسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ

Maksud:

Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran hendaklah ia mencegah kemungkaran itu dengan tangannya.Jika tidak mampu,hendaklah mencegahnya dengan lisan,jika tidak mampu juga,hendaklah ia mencegahnya dengan hatinya.Itulah selemah-lemah iman.

(Muslim,Sahih.Bab:(20) Kitab:(إيمان).بيان كون النهي عن المنكر)

Oleh yang demikian, sarana amar makruf dan nahi dapat dilaksanakan melalui *qudwah hasanah* iaitu menganjurkan akhlak yang baik dan menyediakan pilihan yang lebih baik untuk meninggalkan perkara yang mungkar.

## 2. al-Qudwah al- Hasanah

Abd al-Karim Zaydan(1992:485) berpandangan bahawa salah satu cara terpenting untuk menyampaikan dakwah dan mengajak manusia kepada Islam ialah melalui teladan yang baik yang ditunjukkan oleh pendakwah membolehkan dia menjadi contoh yang baik kepada orang lain. Ibarat sebuah buku yang terbuka dibaca oleh sesiapa sahaja yang mahu memahami Islam. Sifat ini menyebabkan manusia akan menerima dan tertarik kepadanya. Tindakan lebih berkesan daripada hanya bercakap.

Pengertian Al-Qudwah (القدوة ) dari segi bahasa ialah: ikutan atau model . Maka, contoh yang hampir serupa dengan yang lain, maka berbuat sesuatu seperti apa yang dilakukannya(Ibn Manzur 2003). Kalimah al-Qudwah dibataskan kepada perkara kebaikan.Oleh itu, ikutan yang tidak baik bukan menjadi maksud kepada kalimat *qudwah* sebagaimana dalam hadith s.a.w:

مِنْ سَنِ فِي الْإِسْلَامِ سَنَةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرٌ هُا، وَأَجْرٌ مِنْ عَمَلٍ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْرِهِ شَيْءٌ،  
وَمِنْ سَنِ فِي الْإِسْلَامِ سَنَةً سَيِّئَةً، كَانَ عَلَيْهِ وَزْرٌ هُا وَوَزْرٌ مِنْ عَمَلٍ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِ شَيْءٌ.

Maksud:

Barangsiapa memulai kebaikan dalam Islam,ia memperoleh pahala dan pahala sesiapa sahaja yang menirunya sesudahnya dengan tidak mengurangi pahala mereka sama sekali.Sebaliknya barangsiapa memulai kebiasaan buruk dalam Islam,ia mendapat dosanya dan dosa yang menirunya dengan tidak mengurangi dosa mereka sedikitpun.

(من حديث جرير بن عبد الله عن النبي صلى الله عليه وسلم – مسند الكوفيين – Bab: 768) (Ahmad, Musnad. Kitab: (10))

Asas yang menjadi landasan kepada teladan yang baik dan menjadi contoh yang baik kepada orang lain ada dua iaitu akhlak yang baik dan tindakan yang selari dengan kata. Jika kedua-dua asas ini wujud barulah pendakwah boleh menjadi teladan yang baik. Malah teladan yang baik menjadi dakwah secara tidak langsung ke arah Islam. Jika kedua-dua asas ini tidak wujud bererti seseorang pendakwah itu mempunyai teladan yang tidak baik dan dakwah hanya menjauhkan orang lain daripada Islam. Pendakwah perlu merasa takut jika teladan yang tidak baik yang ada pada dirinya dan jangan jadikan dirinya punca orang lain menjauhkan diri daripada Islam sedangkan dia mengaku ingin mengajak manusia ke arah menyembah Allah s.w.t. ('Abd al-Karim Zaydan 1992:487). Al-Khatib (1981: 200) dalam kitabnya *Mursyid al-Duāt* menyatakan sifat model seorang pendakwah ialah 'lakaran potret' daripada Rasulullah s.a.w yang bukan sahaja qudwah dari segi perbuatan dan lisan tetapi juga jiwa dalaman. Oleh itu, seorang pendakwah dituntut untuk melaksanakan amalan-amalan mulia dan meninggalkan perbuatan yang tercela. Pengaruh seorang pendakwah terhadap orang lain apabila mesej dakwah yang disampaikan dari keikhlasan hatinya kepada hati orang lain. Pendakwah yang melakukan amalan zahir yang bertentangan dengan kata-katanya akan memudaratkan dirinya sendiri dan menjadi golongan pertama yang mendapat kemurkaan Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t:

أَتَأُمْرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَإِنْتُمْ تَتَلَوُنَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksud:

Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?.

(surah al-Baqarah: 44)

Rasulullah s.a.w merupakan qudwah hasanah bagi golongan pendakwah. Allah s.w.t memuji Rasulullah s.a.w sebagai manusia yang berakhlik mulia sebagaimana dalam firman s.w.t, ayat 4, surah al-Qalam:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksud:

Dan bahawa sesungguhnya engkau(wahai Muhammad)mempunyai akhlak yang sangat mulia.

(surah al-Qalam: 4)

Berhubung dengan dakwah melalui persempahan contoh teladan yang baik, persempahan yang baik mengenai Islam ialah melalui akhlak yang mulia sehingga adanya keselarasan antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Menurut Ab.Aziz (2001: 164) mengenai dakwah Islam ialah bukan setakat melalui perkataan tetapi yang lebih penting ialah perbuatan dan amalan yang dilakukan oleh seseorang sebagai contoh teladan yang baik bagi sasaran melihat dan mengikuti sesuatu amalan. Pendakwah sewajarnya menghayati bahawa ibadat itu tidak terbatas kepada cirri-ciri khusus yang berbentuk agama sahaja dan terbatas syiarnya seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji. Malahan keseluruhan hidupnya sebagai 'abid' seperti yang dikehendaki oleh Allah s.w.t dalam tuntutan bermasyarakat. Kemasyarkatannya ialah suatu ibadat yang dilakukannya kerana Allah, usaha di bidang kehidupan,tolong menolong bersama keluarga juga merupakan suatu ibadat yang mesti ditunaikannya sebagai sebahagian daripada hakikat agama(Ghallusy 1992: 365).

Sehubungan ini, pendakwah hendaklah menjadikan sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w dan pelbagai situasi pendirian para sahabat sebagai bahan bacaan untuk dijadikan panduan dalam berdakwah. Kajian mengenai dakwah Rasulullah s.a.w dapat menjelaskan pelaksanaan qudwah mempunyai pengaruh yang berkesan terhadap jiwa manusia berbanding dengan penyampaian peringatan yang baik semata-mata(Mustafa Masyhur: 1995: 47).

### **3. *Ummahat al-Akhlaq (al-Hikmah – al-Syajā'ah – al-'Iffah – al-'Adl)***

Menurut al-Ghazali(1988) dalam kitab *Ihya 'Ulum al-Din*, terdapat empat induk akhlak yang baik yang merupakan sifat-sifat keutamaan dalam jiwa manusia iaitu hikmah,syaja'ah,'iffah dan 'adil.Oleh itu, sifat-sifat akhlak mulia yang lain menjadi cabang-cabang kepada empat sifat tersebut. Kesempurnaan empat sifat ini hanya terdapat pada diri Rasulullah s.a.w. Setiap orang yang mendekati nabi Muhammad s.a.w dan hampir mencontohi baginda akan juga dekat dengan Allah s.w.t menurut kadar dekatnya dengan Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w tiada diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَنْتُمْ صَالِحَيْنَ الْأَخْلَاقَ

Maksud:

Hanyasanya aku(Muhammad) diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik.

(مسند أبي هريرة رضي الله عنه – Bab:(30) باقي مسند المكثرين – Ahmad,Musnad.Kitab:(6)

#### **3.1 *al-Hikmah(Bijaksana)***

Hikmah(Kebijaksanaan) iaitu satu keadaan dalam diri melalui kekuatan akal yang membolehkannya secara semulajadi membezakan di antara baik dan buruk dalam semua perbuatan ikhtiariah(perbuatan yang lahir dengan pilihan manusia sendiri). Adapun hikmah yang digunakan bagi tujuan-tujuan buruk, maka dinamakan keji dan pintar-busuk. Manakala apabila dikatakan hikmah yang kurang, maka dinamakan bodoh. Maka yang ditengah-tengah itulah yang khusus dinamakan *al-hikmah*(kebijaksanaan) (al-Ghazali 1988).

'Ali 'Abdul Halim(1993:404) menjelaskan makna al-hikmah ialah perbuatan yang sepatutnya dilakukan, bentuk perbuatan dan kesesuaian waktu menuntut tiga sokongan akhlak lain iaitu: kekuatan ilmu, berlapang dada dan kesabaran yang tinggi. Rasulullah s.a.w menggunakan *manhaj al-hissi* dalam bentuk *qiyas al-musawi* (analogi yang sama) apabila menyelesaikan masalah seorang pemuda yang meminta izin daripada baginda s.a.w untuk melakukan zina ( al-Bayanuni t.th: 209).

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِي حَدَّثَنَا حَرْبِيْدُ بْنُ هَارُونَ حَدَّثَنَا حَرْبِيْنَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ عَامِرٍ عَنْ أَبِي أُمَّامَةَ قَالَ إِنَّ فَتَّى شَابًا أَتَى النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ائْتُنِي لِي بِالزِّرْنَةِ. فَأَفْتَأَلَ الْقَوْمَ عَلَيْهِ فَزَجَرُوهُ وَقَالُوا مَهْ مَهْ. فَقَالَ « اذْنُهُ ». فَدَنَّا مِنْهُ قَرِيبًا. قَالَ فَجَلَسَ. قَالَ « أَخْبِهُ لِأَمْكَ ». قَالَ لَا وَاللَّهِ يَعْلَمْ فِي أَمْكَنْهِ

فَدَاكَ . قَالَ « وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَمْكَنْهِ ». قَالَ « أَفَتُحِبُّهُ لِأَبْنَتَكَ ». قَالَ لَا وَاللَّهِ يَعْلَمْ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ . قَالَ « وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِبَنَاتِهِ ». قَالَ « أَفَتُحِبُّهُ لِأَخْتِكَ ». قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ . قَالَ « وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَاتِهِ ». قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ . قَالَ « أَفَتُحِبُّهُ لِعَمَاتِكَ ». قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ . قَالَ « وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَاتِهِ ». قَالَ « أَفَتُحِبُّهُ لِخَالِتِكَ ».

« قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ . قَالَ « وَلَا النَّاسُ يُحْكُمُونَهُ لِخَالَقِهِمْ » . قَالَ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ « اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَبْبَةً وَطَهِرْ قَبْبَةً وَحَصِّنْ فَرْجَهُ » . قَالَ فَلَمْ يَكُنْ بَعْدُ ذَلِكَ الْفَتَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ . »

Maksud:

Telah menceritakan kepada kami Yazid bin Harun telah menceritakan kepada kami Hariz telah menceritakan kepada kami Sulaim bin 'Amir dari Abu Umamah berkata; Sesungguhnya seorang pemuda mendatangi Nabi s.a.w lalu berkata; Wahai Rasulullah! Izinkan aku untuk berzina.Orang-orang mendatanginya lalu melarangnya, mereka berkata; Jangan, jangan.Rasulullah s.a.w bersabda; "Mendekatlah."Ia mendekat lalu duduk kemudian Rasulullah s.a.w bersabda; "Apa kau menyukainya berzina dengan ibumu?" pemuda itu menjawab; Tidak, demi Allah wahai Rasulullah, semoga Allah menjadikanku sebagai penebus tuan. Nabi s.a.w bersabda; Orang-orang juga tidak menyukainya berzina dengan ibu-ibu mereka."Rasulullah s.a.w bersabda; "Apakah menyukainya berzina dengan anak perempuanmu?"Tidak, demi Allah wahai Rasulullah semoga Allah menjadikanku sebagai penebus Tuan.Nabi s.a.w bersabda; Orang-orang juga tidak menyukai berzina dengan anak-anak perempuan mereka."Rasulullah s.a.w bersabda; "Apakah menyukainya berzina dengan saudara perempuan sebelah bapa kamu?"Tidak, demi Allah wahai Rasulullah semoga Allah menjadikanku sebagai penebus Tuan.Nabi s.a.w bersabda; Orang-orang juga tidak menyukainya berzina dengan saudara-saudara perempuan sebelah ibu mereka."Kemudian Rasulullah s.a.w meletakkan tangan beliau pada pemuda itu dan berdoa; "Ya Allah ! Ampunilah dosanya, bersihkan hatinya, jagalah kemaluannya."Setelah itu pemuda itu tidak pernah berpaling kepada apa pun.

(Hadith أبي أمامة – Bab: بـاقي مسند الانصار – (13) (948) Kitab: Ahmad,Musnad.)

### 3.2 al-Syajā'ah(Berani)

Syajā'ah bermaksud keadaan kekuatan amarah yang tunduk kepada akal samada maju dan mundurnya akhlak syajā'ah. Akhlak syajā'ah timbul daripada sifat-sifat seperti kemurahan, pertolongan, keberanian, menghancurkan nafsu, menanggung penderitaan, lemah-lembut, tetap pendirian, hati mulia dan kasih sayang yang dinamakan akhlak yang terpuji. Adapun bersanggatan dalam syajā'ah akan menimbulkan keberanian membabi buta, maka timbul pula sifat-sifat seperti angkuh, sompong, lekas marah, megah dan bangga diri. Manakalah apabila syajā'ah merosot, maka timbulah daripadanya sifat rendah diri, hina diri, kecil jiwa dan menyempitnya daripada mengambil hak yang wajib diperolehnya( al-Ghazali 1988).

Berdasarkan kenyataan di atas, Rasulullah s.a.w merupakan contoh keberanian dalam peperangan. Keberanian baginda dalam peperangan Nampak dengan jelas sejak zaman mudanya. Ketika baginda berusia 15 tahun, terjadi peperangan Fijār antara orang Quraish dan sekutu-sekutu mereka dari Bani Kinānah dengan Qays bin 'Aylān. Peperangan itu dinamakan Fijār(jahat) kerana ia menceroboh kehormatan Tanah Haram dan bulan-bulan Haram. Dalam peperangan ini, Rasulullah s.a.w turut serta dan berperanan membekalkan anak panah kepada bapa saudaranya iaitu mempersiapkan untuk mereka anak-anak panah untuk dipanah( al-Mubarakfuri 2011:71)

### 3.3. *al-'Iffah*(Memelihara dari yang haram)

'Iffah bermaksud terdidiknya kekuatan syahwat dengan pendidikan akal dan agama. Akhlak 'iffah akan menimbulkan sifat-sifat mulia seperti pemurah, malu, sabar, maaf-bermaafan, merasa puas apa yang ada(qana'ah), wara', halus perasaan, tolong-menolong, peramah dan kurang mengharapkan daripada orang. Kecenderungan yang berlebihan atau berkurangan kepada sifat 'iffah akan menghasilkan sifat-sifat seperti loba, rakus, kurang malu, keji, boros, lengah, ria, merosak diri, gila, suka bergurau, mengambil muka, dengki, suka memaki, suka menghina diri kepada orang-orang kaya dan suka menghinakan orang miskin. "Dari Matraf bin Abdullah, dari ayahnya yang mengatakan: " Aku datang pada Rasulullah s.a.w yang berada dalam kaum keluarga Bani 'Amir. Lalu mereka itu berkata: " Engkau bapa kami! Engkau penghulu kami!. Engkau mempunyai banyak kelebihan daripada kami! Engkau lebih gagah daripada kami!... lalu Rasulullah s.a.w menjawab: "Katakanlah perkataanmu! Jangan kamu diumbang-ambingkan oleh syaitan!". ( al-Ghazali 1980, Kitab:(آفات اللسان- مواضع فضول الكلام)).

Sabda Rasulullah s.a.w:

طوبى لمن عمل بعلمه، وأنفق الفضل من ماله، وأمسك الفضل من قوله

Maksud:

"Berbahagialah orang yang beramal dengan ilmunya dan membelanjakan kelebihan dari hartanya dan menahan kelebihan dari percakapannya."

(al-Baihaqi. Syua'ab al-Iman. Bab: ما جاء في كراهة إمساك الفضل وغيره مما يحتاج إليه) , Juzuk: 3.Hlm: 225

Hadith ini menunjukkan bahawa lidah apabila dilepaskan dengan pujian, meskipun benar,maka ditakuti akan diumbang-ambingkan oleh syaitan kepada kata-kata tambahan yang tidak diperlukan.

### 3.4 *al-'Adl*( Adil)

Adil bermaksud keadaan dan kekuatan jiwa yang dituntun amarah dan syahwat menurut hikmah. Pengendalian akhlak *al-'adl* dari segi pelepasan dan pengekangan adalah menurut kehendak hikmah(al-Ghazali 1988).Akhlak adil pada diri Rasulullah s.a.w terserlah dalam penyertaan baginda semasa usaha pembinaan semula ka'bah.

Ketika Rasulullah s.a.w berumur tiga puluh lima tahun, kaum Quraisy berkumpul untuk membina semula ka'bah yang ditimpa banjir.Mereka bersama-sama telah membahagikan tugas di mana setiap sudut ka'bah dikhaskan dengan satu kabilah. Apabila telah sampai masa untuk meletakkan Hajar Aswad pada tempatnya semula, berlakulah perbalahan yang hamper menumpahkan darah. Apabila setiap kabilah mahu mendapat kelebihan meletakkan Hajar Aswad pada tempatnya semula. Maka ketika itu, Abu Umaiyah bin al-Mughirah berkata: " Wahai sekalian Quraisy, lantiklah seorang hakim bagi menyelesaikan masalah kamu iaitu dengan memilih orang yang pertama masuk ke masjid lalu mereka menyetujui cadangan itu. Atas hikmah Allah s.w.t orang yang pertama masuk ke masjid ialah Rasulullah s.a.w. Apabila mereka melihatnya, mereka semua berkata, Ini dia al-Amin yang kami redhai." Apabila mereka memberitahu khabar itu; baginda berkata, "Ambil sehelai kain." Apabila sudah dihamparkan kain itu, Rasulullah s.a.w mengambil Hajar Aswad dan diletakkan di atasnya, kemudian berkata, Tiap-tiap kabilah memegang penjuruh kain itu, kemudian angkatlah bersama-sama." Lalu mereka mengangkatnya sehingga apabila sampai di tempatnya, baginda s.a.w sendiri yang meletakkan Hajar Aswad di tempat asalnya, kemudian mereka pun meneruskan pembinaannya ( al-Salabi 2008: 100).

Berdasarkan kepada penjelasan manhaj dakwah al-Hissi terhadap contoh-contoh *ummuhāt al-akhlak* yang ada pada diri Rasulullah s.a.w, maka sebagai umat Islam adalah sangat dituntut untuk mencontohi akhlak-akhlak yang mulia. Malahan, Allah s.w.t telah memberi peringatan yang tegas kepada orang yang hanya pandai memberi kata-kata nasihat tetapi tidak mahu mengamalkan nasihat sendiri sebagaimana dalam ayat 44, surah al-Baqarah: “*Mengapa kamu suruh orang lain (mengerjakan)kebajikan, sedang kamu melupakan diri(kewajiban)mu sendiri, padahal kamu membaca kitab? Maka tidakkah kamu berfikir?*

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Manhaj dakwah al-Hissi mempunyai ciri-ciri kelebihan yang berbeza dengan manhaj dakwah *al-'Atifi* dan *al-'Aqli* dari aspek penggunaan pancaindera manusia yang memberi tindak balas segera kepada hal-hal kebiasaan yang boleh dilihat. Dakwah melalui kesan zahir yang dapat dilihat sangat berpengaruh untuk membawa keyakinan dan perubahan jiwa manusia (Muhammad Khayr 2009: 23-25). Sehubungan ini, manhaj dakwah *al-Hissi* mempunyai peranan dalam dakwah bil hal. Dakwah bil hal bererti dakwah melalui contoh teladan yang baik. Ia menjadi contoh teladan atau modul kepada kemuliaan dan keagungan Islam. Dakwah bilhal boleh menghilangkan perasaan prejedis dan negatif orang bukan Islam terhadap Islam. Penonjolan contoh teladan yang baik dalam kehidupan harian orang Islam satu perkara yang penting dalam dakwah kerana ia boleh memperlihatkan tentang kemuliaan agama Islam yang perlu diikuti oleh semua orang. Contoh teladan yang baik akan menjadi pengaruh yang besar kepada orang lain untuk mengikuti sesuatu cara hidup yang ditunjukkan( Ab. Aziz 2001: 222).

Kalimah ‘*al-Hiss*’ yang digunakan dalam istilah manhaj dakwah bererti *al-Idrāk*(pemahaman, kesedaran dan pengetahuan). Oleh yang demikian, kepentingan manhaj dakwah *al-Hissi* ialah untuk membangkitkan kesedaran manusia mengenai hak dan kewajipan diri melalui contoh akhlak untuk diikuti dan tidak diabaikan(‘Ali ‘Abd al-Halim 1993: 490). Manhaj dakwah *al-Hissi* yang membawa contoh akhlak Rasulullah s.a.w yang boleh dihayati dan dilihat telah menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai symbol dan pembawa rahmat Allah s.w.t. Melalui Rasulullah s.a.w, Allah s.w.t telah menebarkan rahmatNya keapda seluruh makhluk di muka bumi. Rahmat Allah s.w.t yang begitu luas didapati dalam diri Rasulullah s.a.w sehingga digelar sebagai nabi pembawa rahmat yang bermaksud nabi yang penuh rahmat.

Firman Allah s.w.t:



Maksud:

“ Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau(wahai Muhammad),melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

(surah al-Anbiyā': 107)

Sesungguhnya pada diri Rasulullah s.a.w terdapat model akhlak yang sempurna bagi seseorang yang ingin meningkatkan iman dan takwa sebagai sebaik-baik bekalan dalam mengikuti sunnah. Ianya menghidupkan jiwa manusia dengan keimanan dan ketakwaan serta mendatangkan segala kebaikan dan menghindari segala keburukan. Asas amalan sunnah dapat membina keperibadian seorang muslim dari aspek akidah, ibadat, perilaku, jasad, fikiran dan sosial yang teguh dan mulia(Mustafa Masyhur 1995: 97).

Menurut al-Ghazali (2011), kelurusinan *ummuhāt al-akhlak* yang empat sifat iaitu *hikmah*, *syaja'ah*, *'iffah* dan *'adil*, maka terbitlah semua akhlak yang baik. Kelurusinan kekuatan akal yang

memandu *ummuhat al-akhlak* tersebut akan menghasilkan kebaikan dalam pentadbiran, hati,cerdas fikiran, berbaik sangka dan kecerdikan meneliti perbuatan yang dihalusi dan bahaya-bahaya yang tersembunyi. Sebaliknya, sekiranya *ummuhat al-akhlak* tidak dipandu oleh kemuslihatan akal, maka timbullah sifat pintar-busuk, suka mengampu, menipu dan putar belit. Manakala kerosotan panduan akal yang lurus akan menimbulkan kebodohan, kurang pengalaman dalam segala urusan, dungu dan gila serta keseronokan khayalan.

## KESIMPULAN

Penggunaan manhaj dakwah *al-Hissi* menjadi kewajipan seorang pendakwah yang menyeru manusia untuk mengenal Allah. Oleh yang demikian, golongan pendakwah yang benar-benar sewajarnya melakukan usaha-usaha dakwah yang berterusan bersama *al-mad'u*(sasaran dakwah) untuk tujuan bimbingan menuju jalan Allah s.w.t iaitu jalan yang direh daiNya. Tujuan utama penggunaan manhaj dakwah *al-Hissi* sangat sesuai dalam aspek amalan yang boleh dilihat oleh golongan sasaran dakwah. Maksud firman Allah s.w.t dalam surah al-Qiyamah, ayat 14-15: “*Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri, Walaupun ia memberikan alasan-alasan(untuk membela dirinya).*” Golongan pendakwah berkewajipan membantu manusia untuk beribadah kepada Allah s.w.t sesuai dengan tuntutan yang disyariatkanNya. Dalam hal ini, tugas para da'i adalah untuk membantu manusia melaksanakan penyembahan kepada Allah s.w.t dengan sebenar melalui manhaj dakwah *al-Hissi* supaya mesej dakwah yang disampaikan kepada *al-mad'u* menjadi jelas dan berkesan. Dalam hal ini, golongan pendakwah disarankan untuk memanfaatkan fungsi masjid, sekolah dan masyarakat untuk melengkapinya apa sahaja bentuk bimbingan yang tidak diperolehi oleh golongan sasaran dakwah di rumah mereka sendiri. Berdasarkan perbincangan mengenai persoalan manhaj dakwah *al-Hissi*, maka adalah disarankan kepada golongan pendakwah untuk bertindak sebagai ‘*pengikat hubungan dengan masyarakat awam*’ (الربط العام). Menurut (al-Rayb 2005: 17), tugas ‘*الربط العام*’ ialah seseorang yang melaksanakan dakwah fardiyah kepada masyarakat sekeliling yang terdekat daripada empat kumpulan iaitu: kelompok kaum kerabat, kawan-kawan, jiran tetangga dan ahli perancang sosial tempatan atau aktivis masyarakat.

## RUJUKAN

- Al-Quran.Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an. Mashaf Malaysia Rasm Uthmani.2001.Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Ab.Aziz Mohd. Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- 'Ali 'Abdul-Halim Mahmud. 1993. *Fiqh al-Da'wah ila Allah*. Al-Mansurah, Misr: Dar al-Wafa'.
- Abādi, Fairūz, Majd al-Din Muḥammad bin Yaṣaqūb. 1995. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Baihaqi,Ahmad bin Husayn bin 'Ali bin Musa al-Khurasani.1990.*Syu'ab al-Iman*.Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. T.th. *al-Madkhal ila 'ilm al-Da'wah*. al-Madinah al-Munawwarah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid.1980.*Ihya'Ulum al-Din bihāmishihi takhrij al-Hāfiẓ al-'Irāqi*. Jilid 3.Juzuk 7-9.Dār al-Fikr.

al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad.1988. *Ihya Ulum al-Din.* (Terj.). Ismail Yakub. Kuala Lumpur: Victory Agency.

Ghallusy,Ahmad.1992.*al-Da'wah al-Islamiyyah.*(Terj.).Mahmood Embong. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. 2003. *Lisān al-'Arab.* Beirut: Dār Sādir.

al-Khatib, Muhammad Namr.1981.*Mursyid al-Du'āt.*Beirut: Dar al-Ma'rifat.

al-Khuly, al-Bahi.1987. *Tazkirat al-Du'āt.*(Terj.).Ismail Mohd.Hassan. Terengganu. Yayasan Islam Terengganu.

Al-Maydāni, 'Abd al-Rahman Hasan Hanbakah. 1996. *Fiqh al-Da'wah ila Allah wa Fiqh al-Nush wa al-Irsyād wa al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar.* Juz(1).Beirut: Dār al-Syāmiah.

Mustafa Masyhur. 1995. *Zād 'ala al-Tariq.* Maydan Sayyidah Zainab, Misr: Dar al-Tawzī' wa al-Nasyr.

Muhammad al-Ghazali. 2010. *Fiqh Sirah.*(Terj.).Hazizi Abdul Rahman, et.al. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

al-Mubarakfuri, Safiyy al-Rahman. 2011. *al-Rāhiq al-Makhtūm.*(Terj.),Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.

Muhammad Khayr Fatimah.2009.*Manāhij al-Da'wah.* Syria: Dār al-'Usama'.

Najāti, Muhammad 'Usmān. 1988. *al-Hadīth al-Nabawī wa 'Ilm al-Nafs.*T.t: Dār al-Syuruq.

al-Rayb, Ibrāhim.2005. *Tarbiyyah al-Mujtama'*. al-Mansurah: Dār al-Wafa'.

al-Salabi, 'Ali Muhammad.2008. *al-Sirah al-Nabawiyah.*(Terj.).Ariffin Ladari.Selangor: Berlian Publications Sdn.Bhd.

Zaydan, 'Abd al-Karim. 1992. *Usul al-Da'wah.* Al-Mansurah, Misr: Dar al-Wafā'.